


EVOLUSI PARLIMEN DAN EVOLUSI SPEAKER PARLIMEN MALAYSIA

Wan Junaidi Tuanku Jaafar

EDISI
KEDUA






EVOLUSI PARLIMEN
DAN EVOLUSI SPEAKER
PARLIMEN MALAYSIA
EDISI KEDUA



EVOLUSI PARLIMEN DAN EVOLUSI SPEAKER PARLIMEN MALAYSIA EDISI KEDUA

Wan Junaidi Tuanku Jaafar

PUSTAKA PERDANA



1013608

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2014



7-87313
KK 328-5213-1267-4202

Cetakan Pertama 2010
Edisi Kedua Cetakan Pertama 2013
Edisi Kedua Cetakan Kedua 2014
© Wan Junaidi Tuanku Jaafar 2010, 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Wan Junaidi Tuanku Jaafar

Evolusi parlimen dan evolusi speaker Parlimen Malaysia /
Wan Junaidi Tuanku Jaafar. -Ed. ke-2.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms.

ISBN 978-983-46-1267-2

1. Parliamentary practice--Malaysia.
 2. Legislative bodies--Malaysia.
 3. Malaysia--Politics and government. I. Judul.
- 328.595

Dicetak oleh
YBA Print Sdn. Bhd.
No 28, Jalan 12/152, Taman Perindustrian OUG
Jalan Puchong Batu 6, 58200 Kuala Lumpur

328.595

KANDUNGAN

<i>Senarai Foto</i>	ix
<i>Kata Pengantar Yang di-Pertua Dewan Rakyat</i>	xiii
<i>Kata Pengantar Yang di-Pertua Dewan Negara</i>	xv
<i>Kata Pengantar Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka</i>	xvii
<i>Prakata Edisi Kedua</i>	xxiii
BAB 1: SEJARAH AWAL PARLIMEN	1
Pendahuluan	1
Sejarah Parlimen England	9
Keberkekalan Jawatan Speaker Parlimen England	23
Konsep Pengasingan Kuasa	31
BAB 2: MAJLIS PERUNDANGAN TANAH MELAYU	38
Majlis Persekutuan Negeri-Negeri Bersekutu	38
Persekutuan Tanah Melayu	44
Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu	50
Peraturan-peraturan Majlis Perundangan Persekutuan	54
Mesyuarat Majlis Perundangan Persekutuan	61
Kertas Putih Perlembagaan Tanah Melayu	76
Sultan-Sultan Menyerahkan Kuasa kepada Rakyat	96
Pilihan Raya Umum Pertama Tanah Melayu	99

KANDUNGAN

BAB 3: PARLIMEN TANAH MELAYU SELEPAS PERLEMBAGAAN DIKUATKUASAKAN	105
Hak dan Keistimewaan Parlimen dalam Perlembagaan	105
Penubuhan Parlimen Dua Majlis di Tanah Melayu	108
Persidangan Pertama Parlimen Tanah Melayu	116
Belanjawan Pertama di Parlimen Pertama	119
Pelantikan Yang di-Pertua Dewan di Bawah Perlembagaan	122
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	130
Speaker Sebagai Pendorong Perubahan	137
Speaker Majlis Perundangan Tanah Melayu	144
Speaker Selepas Merdeka	148
Pembinaan Bangunan Parlimen	151
BAB 4: PENUBUHAN MALAYSIA DAN PARLIMEN MALAYSIA	157
Akta Perkhidmatan Parlimen 1963	157
Penubuhan Persekutuan Malaysia	161
Pesidangan Pertama Parlimen Malaysia	181
Penyeragaman Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri	185
Pemodenan Peraturan-peraturan Dewan	197
Pemansuhan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963	205
Memartabatkan Parlimen Malaysia	212
BAB 5: PARLIMEN DALAM ARUS POLITIK YANG BERLIKU	223
Peristiwa Berdarah 13 Mei 1969	223
Dewan Rakyat Selepas 13 Mei 1969	239
Kekosongan Jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	248
Kepimpinan Malaysia pada Tahun 1990-an	257
Dewan Rakyat pada Awal Tahun 1990-an	267
Perdana Menteri Keenam Malaysia	273

KANDUNGAN

Sinar Harapan di Awan Mendung	276
Budaya Baharu di Dalam Dewan Rakyat	286
Pewarna Politik di Dalam Dewan Rakyat	292
BAB 6: PENUBUHAN DEWAN NEGARA	296
Secebis Sejarah <i>House of Lords</i> di England	299
Dewan Negara dan <i>House of Lords</i>	305
Yang di-Pertua Dewan Negara	310
Pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara	313
Tempoh Keahlian Dewan Negara	335
BAB 7: SETIAUSAHA-SETIAUSAHA PARLIMEN	359
RUMUSAN	371
<i>Biodata Penulis</i>	375
<i>Bibliografi</i>	377
<i>Indeks</i>	383



SENARIO FOTO

- Foto 2.1** Speaker Pertama Dewan Perundangan Persekutuan Tanah Melayu, Dato Setia Wangsa Mahmud bin Mat. 52
- Foto 3.1** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Mohamad Noah bin Omar. 111
- Foto 3.2** Persidangan pertama Parlimen Tanah Melayu diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. 118
- Foto 3.3** Yang Berhormat Dato' Syed Esa bin Alwee. 136
- Foto 3.4** Speaker Tun Raja Sir Uda bin Raja Muhammad. 140
- Foto 3.5** Dato' Maha Kurnia Dato' Haji Abdul Malek bin Yusuf. 149
- Foto 3.6** Parlimen lama di Jalan Maxwell, Kuala Lumpur. 152
- Foto 3.7** Bangunan Parlimen Malaysia hari ini. 154
- Foto 4.1** Persidangan Dewan Rakyat. 183
- Foto 4.2** Cokmar di Dewan Rakyat. 194
- Foto 5.1** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Chik Mohamed Yusuf Al-Haj bin Sheikh Abdul Rahman. 228

SENARAI FOTO

- Foto 5.2** Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmad Kamil Haji Nik Mahmood. 234
- Foto 5.3** Tun Dato' Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail. 246
- Foto 5.4** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh. 253
- Foto 5.5** Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Syed Nasir bin Ismail. 256
- Foto 5.6** Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib. 269
- Foto 5.7** Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin bin Haji Mulia. 277
- Foto 5.8** Yang Berhormat Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar. 280
- Foto 5.9** Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee. 284
- Foto 6.1** Ruang persidangan di dalam Dewan Negara. 298
- Foto 6.2** Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yassin. 314
- Foto 6.3** Yang Berhormat Tuan Syed Sheh bin Syed Hassan Barakhah. 323
- Foto 6.4** Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan. 325
- Foto 6.5** Tun Datuk Haji Omar Yoke Lin Ong. 327
- Foto 6.6** Tan Sri Ismail Khan Ibrahim Khan. 331
- Foto 6.7** Tan Sri Datuk Benedict Stephens. 334
- Foto 6.8** Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen. 337

SENARAI FOTO

- Foto 6.9** Tan Sri Dato' Chan Choong Tak. 339
- Foto 6.10** Tan Sri Dato' Dr. Vadiveloo a/l Govindasamy. 340
- Foto 6.11** Tan Sri Dato' Adam @ Mohamad bin Kadir. 342
- Foto 6.12** Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob. 344
- Foto 6.13** Tan Sri Dato' Michael Chen Wing Sum. 346
- Foto 6.14** Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh. 349
- Foto 6.15** Dato' Ir. Wong Foon Meng. 352
- Foto 6.16** Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang. 356
- Foto 7.1** Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme binti Hamzah. 367
- Foto 7.5** Setiausaha Dewan Negara, Datuk Zamani bin Haji Sulaiman. 369



KATA PENGANTAR YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Semenjak Pilihanraya Ke-12 minat masyarakat Malaysia kepada fungsi Dewan Rakyat semakin meningkat. Pendedahan oleh pihak media sama ada arus perdana ataupun alternatif mempertingkatkan lagi minat tersebut. Ahli-ahli politik dan pemerhati politik mula memandang Parlimen sebagai penentu arah hala tuju dan pentadbiran negara. Dalam masa yang sama pengetahuan berhubung dengan latar belakang dan fungsi Parlimen masih samar-samar dalam kalangan masyarakat umum.

Buku *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* telah cuba memberi gambaran yang lebih luas berhubung dengan detik sejarah penubuhan Dewan Rakyat dan evolusinya. Ini telah dapat memberikan pendedahan secara menyeluruh tentang sejarah institusi tersebut dan mereka yang berlegar di dalamnya. Namun, pendedahan tersebut hanya memberikan sebahagian daripada maklumat tentang institusi Parlimen. Maka usaha Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menulis edisi kedua buku ini adalah untuk memberikan gambaran sepenuhnya tentang perkembangan dan evolusi Parlimen Malaysia.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan terhadap usaha Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang telah dapat menghasilkan suatu karya yang tentunya akan dapat memberikan sumbangan ke arah pemantapan maklumat yang bersangkutan paut dengan Parlimen, iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Saya percaya bahawa dengan terbitnya karya edisi kedua ini, maka khazanah kepustakaan maklumat tentang kedua-dua perkara itu dapat menjadi bukti yang berkekalan tentang kewujudan institusi perundangan negara yang merdeka ini. Semoga dengan persembahan karya ini dapat membantu masyarakat umum memperoleh gambaran tentang peranan dan tugas-tugas Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, serta timbalan-timbalannya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia
Kuala Lumpur

KATA PENGANTAR YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Parlimen Malaysia telah mendapat perhatian rakyat dengan mendadak semenjak beberapa tahun ini, khususnya kepada apa yang berlaku di Dewan Rakyat. Namun, apa yang kurang difahami ialah kewujudan dan fungsi Dewan Negara yang tidak banyak mendapat perhatian umum walaupun Dewan Negara itu tidak kurang pentingnya sebagai sebahagian daripada institusi Parlimen Malaysia.

Walaupun ada pendedahan dibuat oleh pihak media semasa Dewan Rakyat bersidang namun, pengetahuan umum berhubung dengan penubuhan, fungsi dan tanggungjawab Dewan Negara belum mendapat penjelasan secara menyeluruh. Dengan itu, usaha Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk mendedahkan sejarah dan kronologi perkembangan Dewan Negara amatlah dialu-alukan. Dalam memaparkan sejarah Dewan Rakyat dan Dewan Negara, penulis juga mendedahkan sejarah yang diwarisi daripada England yang kesannya masih menjadi khazanah amalan Parlimen di negara kita. Saya berharap buku ini boleh menjadi sebuah buku rujukan berhubung dengan perkembangan institusi perundangan dari dahulu hingga sekarang.

Dengan tercetaknya buku ini nanti, maka dapatlah pihak yang berminat dengan institusi perundangan negara ini dan sejarah perkembangannya dalam memainkan peranan dalam pembangunan politik dan sosial negara ini, memahaminya dengan lebih jelas dan tuntas.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan saya berharap agar buku ini boleh menyedarkan masyarakat umum tentang betapa pentingnya peranan dan tugas-tugas Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, serta timbalan-timbalannya dalam pemantapan sistem demokrasi berparlimen dan institusi Parlimen itu sendiri.

Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
Yang di-Pertua Dewan Negara
Parlimen Malaysia
Kuala Lumpur

KATA PENGANTAR

KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Saya melihat usaha Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jafaar menulis buku ini sebagai sumbangan konkrit beliau membantu Dewan Bahasa dan Pustaka membina khazanah ilmu dalam bahasa Melayu ke arah mengukuhkan tamadun Melayu di dunia. DBP sebagai badan pengembang bahasa Melayu amat menghargai usaha ini dan berharap agar lebih banyak individu dari bidang politik, ekonomi, undang-undang, perubatan dan sebagainya turut menyumbangkan karya dalam bahasa Melayu.

Penulisan *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* edisi kedua ini amatlah tepat pada masanya. Buku ini berjaya melakarkan evolusi institusi perundangan negara ini secara kronologi dalam bahasa Melayu yang mudah dibaca dan dihayati umum. Dengan pengalaman yang luas dalam bidang undang-undang, Datuk Dr. Wan Junaidi menulis buku yang menarik ini untuk mendokumentasikan segala kisah dalaman Parlimen dan mereka, khususnya Speaker dan Timbalan Speaker, serta Ahli Parlimen yang melestarikan institusi Parlimen Malaysia dari masa kemerdekaan hingga sekarang.

Buku ini unik dengan erti kata kandungannya memaparkan susur galur Parlimen Malaysia dengan cara yang begitu jelas dan mudah. Penulis menghadirkan maklumat yang dianggap “berat” itu dengan gaya yang tersendiri dan ini boleh menjadikan pembacaan seronok.

Selamat membaca.

Dr. Haji Awang Sariyan

Ketua Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia



PRAKATA EDISI KEDUA

Edisi pertama buku *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia* telah selamat dilancarkan pada 13 Disember 2010 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, di Dewan Bankuet Bangunan Parlimen Malaysia. Majlis pelancaran ringkas itu menyaksikan hampir semua 250 naskhah buku ini dibeli oleh tetamu yang hadir. Kebelakangan ini banyak kawan-kawan di Sarawak bertanya di mana mereka boleh membeli buku tersebut. Saya sendiri tidak dapat menjawabnya kerana saya tidak begitu tahu tentang rangkaian kedai pemasaran buku-buku keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Manakala kawan-kawan yang berpeluang membaca buku tersebut telah banyak memberikan pujian dan galakan kerana kandungannya yang banyak memaparkan detik-detik sejarah, khususnya detik-detik yang ada hubung kait dengan kerajaan, Parlimen dan Speaker-Speaker Parlimen dari perspektif yang berbeza. Buku itu juga telah memberikan rasional dan alasan yang berlainan kepada beberapa fakta sejarah yang diketahui umum dan ini membuatkan buku tersebut menarik. Sebagai contoh, tentang tarikh 5 Ogos 1957 apabila Duli-Duli Tuanku Sultan menandatangani perjanjian untuk memberikan persetujuan kepada penubuhan Tanah Melayu dan tarikh tersebut termaktub dalam Perlembagaan negeri-negeri di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, perkara ini jarang-jarang menjadi detik sejarah titik tolak penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang membolehkan pengisytiharan kemerdekaan

dibuat pada 31 Ogos 1957. Tarikh tersebut amat penting dalam sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu sebagai lambang pengorbanan Raja-Raja Melayu kepada penggabungan negeri-negeri di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan boleh diisytiharkan. Malangnya, perkara ini kurang diserlahkan atau dikupas sebagai fakta penting dalam penulisan buku lain oleh mana-mana penulis di negara ini.

Di samping itu, buku *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia Edisi Kedua* menelusuri evolusi Parlimen England dan kuasa-kuasa Raja dan politik England yang terbentuk oleh perkara yang berlaku di Parlimen pada zaman tersebut. Buku ini menjelaskan bahawa pemikir politik seperti John Locke dan Montesquieu mendapat ilham daripada perkara yang berlaku di Parlimen England untuk mengupas idea mereka menjadi teori politik, iaitu pengasingan kuasa kerajaan, yang kita ketahui sebagai *separation of powers* sekarang. Terdapat bab khas yang menjelaskan bagaimana sistem pengasingan kuasa pentadbiran zaman lampau yang diamalkan di England didapati tidak sesuai dicontohi di negara-negara Teluk Carribean dan bagaimana perubahan yang direncanakan oleh Earl of Durham, Pesuruhjaya Tinggi British di Canada pada tahun 1841 didapati lebih sesuai dicontohi kerana serasi dengan pentadbiran negara-negara Komanwel yang lain termasuk Malaysia.

Buku ini memaparkan keadaan di Tanah Melayu yang bermula dengan Majlis Persekutuan (Federal Council) pada tahun 1909 dan berkisar hingga menjadi Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) Tanah Melayu hingga tahun 1959. Bagaimana Perlembagaan Tanah Melayu yang mula berkuat kuasa pada 31 Ogos 1957 hanya dilaksanakan sepenuhnya dengan penubuhan Parlimen dwidewan pada 11 September 1959 turut dibincangkan. Dengan tertubuhnya Parlimen dwidewan, maka Dewan Negara diwujudkan sebagai Majlis “*Upper House*” Parlimen Tanah Melayu. Fakta kewujudan Dewan Negara itu juga ditulis dan diolah seperti penubuhan Dewan Rakyat walaupun berkisar pada paksi yang agak berlainan. Oleh sebab Parlimen Malaysia yang ditubuhkan itu bercontohnya Parlimen England, maka saya juga cuba membuat perbandingan antara Dewan Negara dengan *House of Lords* di

England dan menghuraikan perbezaan dan persamaan yang boleh didapati.

Ekoran daripada perbandingan Dewan Negara dengan *House of Lords*, saya memuatkan sedikit kisah *House of Lords* dalam buku ini untuk menjadi rujukan dan pemahaman pembaca. Paparan sejarah *House of Lords* yang penuh dengan liku-liku sejarahnya sendiri dari zaman silam hingga ke zaman moden diberikan secara ringkas. Dengan kesempatan tersebut, buku ini juga membuka lipatan sejarah England tentang kisah pemansuhan *House of Lords* oleh Lord Oliver Cromwell pada tahun 1640, dan bagaimana *House of Lords* diwujudkan semula selepas Lord Oliver Cromwell kalah dan kerajaan beraja diwujudkan semula selepas itu. Secara ringkas, saya juga memberikan pendedahan tentang reformasi terhadap *House of Lords* dan bagaimana pada tahun 2007, jawatan *Lord Chancellor* di Britain kehilangan hampir semua kuasa dan tradisi kedudukannya yang telah menjangkau usia lebih seribu tahun itu.

Edisi kedua ini merincikan sejarah pelantikan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada tahun 1959 dan pelantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada tahun 1972, apabila dituntut keperluannya. Kisah bagaimana personaliti-personaliti yang menjawat jawatan-jawatan yang tidak kurang pentingnya itu menjadi faktor membantu dan terlibat dalam evolusi Parlimen itu sendiri turut dikupas. Selanjutnya, dihuraikan pelantikan dan jawatan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang berbeza daripada Timbalan-Timbalan Speaker *House of Commons*, Parlimen England dari segi fungsi, tugas dan kuasa.

Saya juga menulis kisah tentang latar belakang jawatan yang terpenting dalam institusi Parlimen Malaysia, iaitu Setiausaha Dewan-Dewan Parlimen atau dalam istilah asalnya *Clerk to the Council*. Sejarah yang sama penting dan panjang itu tersadai di sebalik tabir mana-mana Parlimen di seluruh dunia yang jarang-jarang diketahui umum dan difahami keseluruhannya. Jawatan *Clerk to the Council* dijangka telah wujud semenjak tahun 1366, iaitu zaman Pertengahan di England yang hampir sezaman dengan jawatan Speaker di Parlimen England. Ia sering dilupakan oleh masyarakat penulis dan umum. Namun, mengikut sejarah Komanwel,

Clerk to the Council ialah pencatat sejarah Parlimen dan penyimpan rekod mana-mana peraturan yang berkaitan dengannya. Itulah sebabnya *Legislative Council (Privileges and Powers) Ordinance 1952* dan Perlembagaan Tanah Melayu meletakkan jawatan tersebut di kedudukan yang amat tinggi. Jika dilihat daripada kelulusan pendidikan seseorang individu yang dikehendaki untuk mengisi jawatan *Clerk to the Council* dalam Ordinan 1952, amatlah sukar untuk mencari calon yang mempunyai kelayakan yang sesuai bagi mengisi jawatan tersebut.

Untuk membawa kita ke zaman sekarang, buku ini juga menarik perhatian pembaca kepada peristiwa genting, keriuhan dan kekecohan di Parlimen Malaysia selepas Pilihan Raya Umum yang ke-12, yang bermula dengan keputusan pilihan raya tahun 2008. Pilihan Raya Umum itu banyak memperkenalkan muka baharu, perwatakan baharu dan gejala baharu di Parlimen yang tidak pernah dilihat pada zaman sebelumnya. Pada zaman ini juga tugas dan tanggungjawab Yang di-Pertua atau Speaker Dewan telah terdedah luas kepada kekecohan di dalam Dewan dan amat berlainan dengan keadaan yang berlaku pada masa dahulu, yang terselindung di sebalik kuasa mutlak Dewan Parlimen. Tindakan yang diambil dan keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua, khususnya di Dewan Rakyat, menjadi tontonan dan penilaian rakyat menerusi pelbagai media. Dengan kata lain, sesiapa yang menduduki kerusi Yang di-Pertua, khususnya di Dewan Rakyat atau menjadi Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua tidak dapat lari daripada berhadapan dengan perubahan ini. Beliau bertanggungjawab terhadap tugas dan tanggungjawab hakikinya untuk menentukan urusan kerajaan terlaksana dengan sempurna, mengurangkan halangan, di samping memberi kebebasan kepada ahli-ahli berbahas seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang menggariskan ruang lingkup dan batasan kebebasan tersebut.

Puan Wan Noorzaleha binti Wan Hassan, Pegawai Penyelidik Parlimen banyak membantu saya mencari data dan maklumat untuk diulas, ditapis dan dimuatkan dalam buku ini. Isteri saya Datin Feona Sim juga masih menjadi jurutaip tetap saya apabila perlu menyalin atau menaip perkara-perkara yang panjang dalam manuskrip yang

dirancangkan itu. Seperti yang saya sebut dahulu, kerja beliau tidak ada rintangan dan tidak ada batasan masa seperti “pembantu” lain yang hanya dapat memberikan sumbangan ketika di pejabat sahaja. Namun, Datin Feona boleh menaip pada bila-bila masa; di rumah, di pejabat, di lapangan terbang, di dalam kapal terbang dan di mana-mana sahaja keperluan menaip itu terbangkit. Sekali-sekala saya meminta bantuan Puan Umi Kalsom binti Kasiron, Pembantu Khas saya di pejabat di Kuala Lumpur untuk menaip salinan apabila keperluan itu terbangkit di pejabat di Parlimen.

Tidak lupa juga saya merakamkan terima kasih kepada Abu Bakar bin Hassan, jurugambar Parlimen, yang menyediakan gambar-gambar sebagai pelengkap kepada buku ini. Demikian juga, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Encik Zasran Abdullah yang banyak membantu saya dalam soal pemurnian bahasa untuk edisi kedua ini. Begitulah seterusnya penghargaan saya kepada Puan Siti Ratnamala Saiful Nathan, editor Dewan Bahasa dan Pustaka, atas ihsan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang telah menjadi penyunting dan penyemak utama untuk menyediakan manuskrip buku ini sebelum dicetak. Jikalau tidak dengan usaha dan sumbangan beliau, besar kemungkinan manuskrip yang disediakan itu tidak sesuai untuk percetakan dan pembacaan umum.

Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar
Timbalan Speaker Dewan Rakyat,
Parlimen Malaysia.



BAB 1

SEJARAH AWAL PARLIMEN

Pendahuluan

Seperti negara Komanwel yang lain, Malaysia mewarisi sistem Raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen dari negara England. Sebagai bekas kawasan jajahan dan takluk British, negeri-negeri di Malaysia sebelum merdeka telah juga mengamalkan sistem yang diperkenalkan oleh pegawai dan rakyat British. Walaupun negeri seperti Johor, Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Sarawak dan Sabah tidak ditakluki British secara jelas tetapi campur tangan British dan pengaruh pemerintahannya juga memperkenalkan sistem yang sama. Dengan itu, pada keseluruhannya di Malaysia, sama ada di peringkat pusat atau negeri, semuanya mengamalkan sistem British. Soalan yang perlu ditanya adalah sama ada amalan yang dibawa oleh pegawai atau rakyat British itu betul-betul mencerminkan amalan tulen Parlimen British atau mengikut pengertian dan tafsiran pegawai dan rakyat British itu sahaja.

Mengikut sejarah, ada segelintir negara Komanwel seperti Bermuda, Barbados dan Bahamas cuba mencontohi sistem demokrasi berparlimen dengan pengasingan kuasa yang jelas (*complete separation of powers*), iaitu kuasa Raja, yakni eksekutif dengan kuasa perundangan, yakni Parlimen tetapi negara-negara tersebut menghadapi kekecohan dan kegagalan. Akhirnya, pada tahun 1839, setahun sebelum Earl of Durham dilantik menjadi Gabenor Jeneral Kanada, beliau telah membuat satu laporan yang berjudul *Report on the Affairs of British North America* yang

merencanakan skema perubahan, yang seterusnya diterima pakai oleh Parlimen Kanada. Pembaharuan yang diperkenalkan oleh Lord Durham Gabenor Jeneral di Kanada itu akhirnya menjadi contoh untuk negara-negara Komanwel yang lain termasuk negara kita, yang mewujudkan perhubungan atau saluran antara kuasa eksekutif dengan kuasa perundangan. Walau bagaimanapun, amalan tersebut tidak diselaraskan dan dirincikan penerimaannya di seluruh Komanwel yang sedikit banyak mendatangkan kepelbagaian dalam kalangan pengamal sistem ala British. Perkara yang sama boleh dilihat di negeri-negeri Tanah Melayu, jajahan Sarawak dan Sabah.

Zaman campur tangan British di seluruh Tanah Melayu juga menjadi faktor kepelbagaian ini. Umpamanya, Pulau Pinang mula diambil alih oleh British pada tahun 1786 dan disusuli dengan pengambilalihan Melaka pada tahun 1795. Pentadbiran perintis campur tangan British ini banyak mempengaruhi corak pelaksanaan undang-undang dan peraturan hingga penyelarasan berlaku pada abad-abad yang berikutnya. Dalam masa setengah abad, hampir semua negeri Tanah Melayu jatuh kepada pengaruh British; Perak pada tahun 1874, Selangor pada tahun 1875, Pahang dan Negeri Sembilan pada tahun 1888, Kelantan pada tahun 1903, Kedah dan Perlis pada tahun 1909, Sabah pada tahun 1946 dan Sarawak pada tahun 1948.

Apabila Kedah dan Perlis menerima campur tangan British pada tahun 1909, pentadbiran British di Tanah Melayu tidak melepaskan peluang untuk membuka lembaran baharu di Negeri-Negeri Bersekutu dengan menubuhkan Majlis Persekutuan Malaya untuk menyelaraskan kuasa undang-undang di negeri-negeri tersebut. Penubuhan Majlis Persekutuan Tanah Melayu menjadi kenyataan apabila termeterainya Perjanjian Majlis Persekutuan Malaya pada tahun 1909 bersempena dengan campur tangan British yang bermula di Kedah dan Perlis. Negeri Kedah dan Perlis menjadi negeri-negeri yang terakhir di Tanah Melayu jatuh di bawah pengaruh campur tangan British, sama ada secara kebetulan atau dirancang dengan teliti masih menjadi persoalan. Namun, pada masa yang sama juga, Majlis Persekutuan tertubuh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti yang termaktub dalam *Treaty of Malay States*

tahun 1895. Nampaknya ini berlaku secara kebetulan dan mungkin juga perancangan yang telah diamalkan oleh British dari awal lagi.

Penubuhan Majlis Persekutuan untuk Negeri-Negeri Tanah Melayu Bersekutu pada tahun 1909 menandakan bertapaknya pengaruh dan campur tangan British secara rapi dan mendalam di negeri-negeri tersebut. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama didapati bahawa Tanah Melayu telah terbahagi kepada tiga corak pentadbiran dan sistem penggubalan undang-undang. Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, iaitu Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor ditadbir terus oleh Pesuruhjaya Tinggi British Tanah Melayu dan kuasa undang-undang di bawah Majlis Persekutuan dan Pesuruhjaya Tinggi British. Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang terdiri daripada Johor, Terengganu, Kelantan, Perlis dan Kedah pula ditadbir oleh Residen-Residen British dengan kuasa undang-undang di bawah Majlis Negeri mengikut kuasa Sultan dengan nasihat Residen British masing-masing yang wajib dipatuhi. Manakala jajahan Selat, Pulau Pinang dan Melaka ditadbir oleh *Straits Settlements* dan kuasa undang-undang Majlis *Straits Settlements* masing-masing sebagai Koloni British. Dari sudut pandangan British, hal ini tidak sesuai dan tidak memuaskan. Sementara itu pihak British telah menilai bahawa eksperimen pentadbiran ala persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu nampaknya berjalan dengan baik dan lancar dan kawalan di peringkat pusat juga berjaya. Dengan itu, maka bangkitlah idea untuk menggabungkan jajahan-jajahan British di seluruh Timur Jauh dengan rangka penggabungan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dengan Jajahan Selat Melaka dan Pulau Pinang di bawah satu pentadbiran Persekutuan selepas itu yang dinamakan *Malayan Union*. Sementara itu, Singapura, Labuan, Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos-Keeling diletakkan di bawah pentadbiran Koloni British.

Selepas sahaja Perang Dunia Kedua berakhir, satu laporan yang dikenali sebagai *Constitutional Proposal Report 1946* diperkenalkan untuk Tanah Melayu, yang dijadikan sebagai instrumen untuk merealisasikan pandangan yang tersebut di atas. Berpandukan laporan tersebut, Kerajaan British melantik Sir Harold MacMichael

untuk mendapatkan persetujuan Sultan-Sultan bagi menubuhkan persekutuan yang selepas itu dinamakan *Malayan Union* pada bulan April 1946. Peristiwa perancangan British untuk menubuhkan *Malayan Union* itu juga dilihat sebagai faktor pencetus kebangkitan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu.

Sebelum pelaksanaan Laporan *Constitutional Proposal* dibuat, Pentadbiran Koloni British di Tanah Melayu telah membuat penyesuaian dan perubahan yang berterusan kepada Majlis Persekutuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, khususnya pada tahun 1927 dan 1933. Pada tahun 1927, Pesuruhjaya Tinggi British membuat perubahan struktur yang besar untuk mengundurkan penglibatan Sultan-Sultan secara terus dengan Majlis Persekutuan. Pada masa itu juga pelantikan ahli-ahli rasmi daripada kalangan pegawai kerajaan dan ahli-ahli tidak rasmi daripada golongan tertentu dalam masyarakat dilaksanakan. Pada tahun 1933, penambahan ahli-ahli dalam Majlis dibuat, khususnya ahli-ahli tidak rasmi daripada 11 orang kepada 52 orang.

Ternyata bahawa apa-apa sahaja yang dibuat oleh Majlis Persekutuan boleh dilihat sebagai eksperimen jangka panjang untuk pentadbiran British yang lebih besar lagi di Tanah Melayu. Butiran lanjut perkembangan ini terdapat dalam huraian yang memerikan perjalanan Majlis Persekutuan mengikut paksi eksperimen pentadbiran koloni di Tanah Melayu selepas ini.

Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu ditadbirkan melalui pemantauan jarak jauh oleh Pesuruhjaya British menerusi Residen-Residen British yang berkhidmat di negeri-negeri berkenaan sebagai penasihat yang perlu diambil kira oleh Sultan-Sultan. Pada ketika itu, Sarawak masih lagi di bawah pentadbiran dinasti Brooke dan Sabah di bawah pentadbiran East India Company yang berpejabat di Labuan. Pihak Kerajaan British mendapati hal ini menjadi sukar dan tidak sesuai. Keadaan inilah yang mendorong kepada penubuhan *Malayan Union* seperti yang disebut di atas.

Perubahan dinamik ini berlaku secara berterusan di Negeri-Negeri Tanah Melayu dari awal kemasukan British di Melaka pada tahun 1795 sehinggalah termeterainya Perjanjian Majlis Persekutuan pada tahun 1909 di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Namun,

kepelbagaian pentadbiran British di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis berterusan. Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu juga pengasingan kuasa berlaku yang menyebabkan ada yang ditadbirkan oleh Pesuruhjaya Tinggi dan kuasa undang-undang di bawah Majlis Persekutuan. Sarawak dan Sabah berkisar di paksi yang berlainan walaupun pengaruh yang sama menghantui suasana. Sarawak mula ditadbir oleh James Brooke pada tahun 1842 sehinggalah Sarawak jatuh ke tangan Jepun pada tahun 1942. Pada tahun 1945, apabila Jepun menyerah kalah, Brooke tidak berupaya mentadbir Sarawak dan akhirnya menyerahkan Sarawak kepada Koloni British pada tahun 1948 walaupun tidak semua rakyat Sarawak bersetuju dengan penyerahan tersebut. Kesan daripada bantahan tersebut maka Gabenor British yang pertama, Duncan Stewart mati dibunuh oleh kumpulan penentang penyerahan tersebut.

Setelah 100 tahun di bawah pemerintahan Brooke dengan sistem British ala Brooke, sedikit perubahan berlaku apabila Koloni British mengambil alih Sarawak pada tahun 1948. Pada ketika itu dipercayai Pesuruhjaya British di Tanah Melayu cuba menyeragamkan pentadbiran Negeri-Negeri Bersekutu di Tanah Melayu dengan jajahan Sarawak dan Sabah. Ini boleh dilihat apabila pentadbiran British di Tanah Melayu memulakan penubuhan *Malayan Union* pada bulan April 1946. Dengan itu, Pulau Pinang dan Melaka hendak digabungkan dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu untuk menjadi *Malayan Union* sementara Singapura, Pulau Christmas, Kepulauan Cocos-Keeling, dan Labuan hendak diselaraskan di bawah pentadbiran British di bawah pengawalseliaan terus Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Walaupun keadaan Sarawak masih belum menentu, sama ada akan berterusan di bawah Brooke atau diserahkan kepada Koloni British, pihak British telah menduga dari awal lagi bahawa Sarawak dan Sabah akan menjadi koloni British juga akhirnya.

Sabah juga berkisar dalam paksi yang berlainan, yang jauh lebih kompleks kerana banyak melibatkan pihak dan jajahan yang berasingan. Sebelum kedatangan British, Pulau Labuan berada di bawah Kerajaan Brunei sementara Borneo Utara pula di bawah

Parlimen ialah lambang dan tempat bermulanya amalan demokrasi sesebuah negara. Begitu juga di negara kita Malaysia. Bermula dari tahun 1909 sebagai Federal Council atau Majlis Persekutuan yang berfungsi sebagai penasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu, Parlimen kita telah bertukar kepada Parlimen yang mempunyai dua Majlis pada tahun 1959 hingga sekarang. Selepas Peperangan Dunia Kedua, Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Perjanjian Persekutuan 1948 juga berterusan menjadi kuasa penggubal undang-undang Persekutuan Tanah Melayu sebelum menjadi Parlimen dwidewan. Buku ini meniti detik sejarah penubuhan keahlian Majlis Persekutuan daripada hanya mempunyai 11 orang ahli termasuk Sultan-Sultan dari empat buah Negeri Melayu Bersekutu hingga wujudnya Parlimen dwidewan di Tanah Melayu dalam Parlimen Malaysia pada tahun 1963, yang kini mempunyai 222 orang ahli di Dewan Rakyat.

Edisi kedua ini banyak berkisar pada kisah penubuhan Parlimen Dwidewan dan penubuhan Dewan Negara yang sekarang mempunyai 70 orang ahli yang dilantik dari negeri-negeri dan yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Buku ini juga mengisahkan pelantikan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut Perlembagaan Persekutuan selepas Parlimen Dwidewan diwujudkan pada bulan September 1959. Untuk melengkapi kisah Parlimen, buku ini juga mencatatkan sejarah pelantikan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan secara ringkas mengisahkan pelantikan Clerk to the Council atau Setiausaha-Setiausaha kepada Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Lakaran sejarah dalam buku ini mengisahkan pertukaran Majlis Persekutuan kepada Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1948 dan juga persidangan yang diadakan di pejabat Jabatan Kerja Raya dan bangunan Tunku Abdul Rahman sehingga Bangunan Parlimen yang ada sekarang. Selanjutnya, dipaparkan sejarah rancangan pembinaan bangunan Parlimen dan konsep, serta falsafah di sebalik reka bentuknya. Persoalan mengapa perasmian bangunan Parlimen yang dirancang untuk dilaksanakan pada 31 Ogos 1963 telah ditunda tarikhnya ke 2 November 1963 juga terjawab dalam buku ini.

Sementara kita meraikan kejayaan negara ini dari satu zaman ke satu zaman, peranan Parlimen sebagai pengesah cara dan pemudah langkah usah dilupakan begitu sahaja. Terdapat banyak buku, jurnal dan risalah yang mengisahkan dan mengagungkan perjuangan Speaker dan ahli-ahli House of Commons, England. Fenomena yang sama juga terdapat di Kanada, New Zealand, Australia dan India. Fenomena yang sama tidak dilihat di negara ini. Buku ini cuba membetulkan kekurangan ini.


Penulis buku *Evolusi Parlimen dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia Edisi Kedua* ini, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar ialah Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan juga Ahli Parlimen Kawasan Santubong Sarawak. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Buckingham, Degree of Utter Barrister dari Council of Legal Education London, England dan Ijazah Doktor Falsafah (Business Administration) dari University of Southern California, Amerika Syarikat. Datuk Dr. Haji Wan Junaidi telah menulis dan menyusun buku ini secara kronologi mengikut detik sejarah Parlimen dari tahun 1909 hingga kini.

“ ... I find the book highly enlightening not only on Parliament per se, but also on many historical events that without your writing I find difficulties in connecting them to the realities of today ... ”

**Dato' Saifuddin Bin Abdullah,
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi**

ISBN 978-983-46-1267-2

05000



9 789834 612672